

TEKS UCAPAN
YBHG. PROFESOR DATUK Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG &
ANUGERAH SANJUNGAN UNIVERSITI 2023
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

اوینیورسیتی مالاکا

5 Mei 2024, 9.00 PAGI,

Dewan Canselor, UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Pengacara Majlis,

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pagi ini di dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti 2023.**

2. Penganugerahan APC yang akan diberikan pada hari ini merupakan satu ruang untuk kita meraikan sebahagian daripada warga kerja UTeM yang telah menunjukkan prestasi kerja dan pencapaian yang baik dan amat membanggakan sepanjang tahun 2023. Tahniah dan syabas kepada Pejabat Pendaftar dan Jawatankuasa Penganjur yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan majlis ini pada setiap tahun.

Warga UTeM yang dihormati sekalian,


3. Memetik kata-kata YAB Perdana Menteri, iaitu “perkhidmatan awam adalah tonggak kepada negara dan ia tidak akan berubah meskipun kerajaan atau perdana menteri telah

bertukar ganti'. Justeru, dapat dilihat bahawa, **warga kerja adalah tonggak utama atau nadi kepada sesebuah organisasi, meski pemimpin datang dan pergi**. Oleh yang demikian, saya ingin menegaskan supaya kita dapat menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan dengan **penuh tanggungjawab, ikhlas dan tentunya berintegriti**. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama dan tentunya saya mahu kita semua diingati dengan nama dan jasa bakti yang baik kepada rakyat dan negara.

4. Alhamdulillah UTeM pada masa kini telah dikenali sebagai sebuah universiti yang agresif dan bergerak pantas. Ini adalah selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang menginginkan segala proses dipercepatkan tetapi masih mengikuti tatacara yang betul. Sekiranya kita bergerak pantas segala inisiatif yang telah dirancang akan dapat dijalankan dengan segera dan pencapaian yang telah disasarkan insyaallah akan turut dapat dicapai dengan pantas.

5. Bukan itu sahaja, dalam memastikan kita mampu untuk bergerak pantas, **kerjasama dalam satu pasukan** merupakan satu intipati yang sangat penting untuk diterapkan dalam warga

UTeM. Sebagai sebuah PTj kita tidak akan dapat menjayakan sesuatu inisiatif tetapi sebagai sebuah Universiti pelbagai agenda akan dapat kita jayakan. Seperti yang dinyatakan oleh Helen Keller '**Alone we can do so little, but together we can do so much**'.

- 
6. Untuk makluman semua juga, saya telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor MTUN berkuatkuasa pada awal tahun ini. Oleh yang demikian saya menyeru juga kepada semua untuk **menyemai semangat kerjasama di kalangan MTUN**. Saya percaya suara 4 Universiti adalah lebih kuat daripada 1 universiti dan insyaallah dengan kesepaduan

yang kuat, kita akan dapat meningkatkan prestasi TVET di Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Kesungguhan, komitmen dan kerjasama baik yang diberikan oleh seluruh warga kerja adalah merupakan “teras kekuatan” dan kunci utama kepada penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti kepada rakyat dan pemegang taruh. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada **154 warga cemerlang UTeM yang telah berjaya menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi penilaian prestasi tahun 2023.**

8. Untuk makluman semua, bagi tahun penilaian 2023, UTeM telah memperolehi **purata markah prestasi sebanyak 88.28%**, **sedikit meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 87.99%**. Alhamdulillah dari tahun 2021, purata markah prestasi telah menunjukkan trend meningkat. Ini membuktikan bahawa prestasi warga UTeM secara keseluruhannya semakin baik dan saya menyasarkan bahawa pada tahun 2025, purata markah prestasi ini akan meningkat kepada 90%.

9. Bukan itu sahaja, pada tahun 2024 ini juga telah mencatatkan sejarah di mana UTeM turut meraikan seramai **185 orang warga UTeM menerusi Anugerah Jasa Bakti (AJB)** di atas


kesetiaan berkhidmat sebagai penjawat awam selama 20 tahun. Jumlah ini merupakan jumlah teramai penerima AJB dalam sejarah UTeM.

10. Saban tahun usaha bersama kita untuk melonjakkan lagi visibiliti UTeM menerusi penarafan antarabangsa ataupun *world rankings* telah berjaya direalisasikan, dan saban tahun prestasi UTeM dalam sistem penarafan ini menunjukkan kemajuan yang amat positif menerusi peningkatan kedudukan di aras yang lebih membanggakan. Seperti yang kita sedia maklum, buat pertama kali UTeM telah pun memasuki senarai QS World University Ranking bagi tahun 2024. Alhamdulillah

UTeM juga telah meraih kejayaan dengan menjadi juara berganda dalam kalangan MTUN setelah mencapai kadar kebolehpasaran graduan (GE) 2023 sebanyak 97.7% dan 76.7% graduan bekerja iaitu peratusan tertinggi di kalangan MTUN. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

11. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas kepada warga UTeM yang telah terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023. Jadikanlah kejayaan para penerima anugerah hari ini sebagai penyuntik semangat kepada semua dalam memberikan mutu perkhidmatan yang

lebih baik untuk tahun hadapan dan tahun-tahun yang mendatang.



Sekian

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Wrt. Wbth.

Terima kasih.